

## Perangsang Selangor Agih Zakat Perniagaan Lebih RM80,000

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- **Kumpulan Perangsang Selangor Bhd** (Perangsang Selangor) telah menyerahkan sejumlah RM86,500 zakat perniagaan kepada 32 penerima zakat dalam siri kedua pengagihan zakat kumpulan itu.

Ketua Pegawai Operasi merangkap Ketua Pegawai Kewangan kumpulan itu, Suzila Khairuddin berkata penerima zakat kali ini terdiri daripada 19 pelajar universiti, 11 fakir miskin serta dua pertubuhan iaitu Akademi Tahfiz Mandarin Pulau Ketam dan Maahad Tahfiz Al-Fityan.

"Sejak Januari tahun ini, jumlah keseluruhan zakat perniagaan yang diagihkan semula oleh Perangsang Selangor kepada golongan asnaf berjumlah RM123,900.

"Penyerahan zakat hari ini merupakan siri kedua daripada tiga siri pengagihan untuk tahun ini," katanya dalam kenyataan di sini.

Pada tahun lalu, Perangsang Selangor menjelaskan zakat perniagaan berjumlah RM868,861.13.

Suzila berkata penyerahan zakat itu bertujuan mengurangkan beban golongan asnaf antaranya ibu tunggal, pelajar kurang berkemampuan dan fakir miskin yang menghidap penyakit berbahaya seperti kanser, barah otak serta buah pinggang.

Sejumlah RM133,672.92 zakat perniagaan dijangka diserahkan kepada asnaf dalam siri ketiga pengagihan zakat kumpulan itu pada majlis yang akan diadakan selewat-lewatnya Jun nanti.

Sementara itu, penerima zakat, Harihati Arpan Molana yang bekerja sebagai pengasuh kanak-kanak dengan pendapatan RM600 sebulan mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan syarikat itu.

Katanya zakat yang diterima akan dimanfaatkan untuk membiayai persekolahan lima anak dan rawatan anak perempuannya yang disahkan menghidap kanser payudara pada usia 19 tahun.

Kumpulan Perangsang Selangor ditubuhkan pada 11 Ogos 1975 dan terlibat dalam enam sektor utama iaitu perdagangan, pembuatan, infrastruktur dan utiliti, pelesenan, minyak dan gas serta telekomunikasi.

<http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/newsindex.php?id=1345291>